

Headline	Ajar Anak MENABUNG DARI KECIL		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	06 Feb 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	16	Readership	480,000
Language	Malay	ArticleSize	518 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,045
Frequency	Weekly	PR Value	RM 15,136



Ringgit & Sen

# Ajar Anak MENABUNG DARI KECIL

Sejak kecil, ibu bapa sering kali mengingatkan anak-anak untuk menabung kerana dengan menabung mereka boleh mendapatkan apa yang diinginkan! Sekalipun sudah diingatkan berulang kali, adakah langkah menabung sudah dimulakan? Sebenarnya menabung mesti dijadikan satu kemestian ketika usia masih muda. Kebiasaan menabung sejak kecil, membuatkan anda tidak punya sebarang masalah melakukannya pada usia remaja malah dewasa. Tetapi ramai sekali yang memandang remeh kepentingan menabung

**S**emakin anda menyedari betapa pentingnya duit dalam keadaan sekarang, tentu anda berasa rugi kerana tidak melakukannya sejak kecil lagi.

Tahukah anda, apabila mengajar menabung pada anak-anak kecil, mereka akan menerima pelajaran itu dengan hati yang terbuka. Bukan sekadar mendengar malah mereka melakukan saranan menabung dengan senang hati.

Nilai-nilai baik ini biasanya akan melekat di dalam jiwa dan hati anak-anak kalau diajari dari kecil. Tidak mustahil akan menjadi kebiasaan sehingga usianya meningkat dewasa. Ayuh, biasakanlah mengajak anak menabung dari kecil kerana wang tersimpan boleh membeli apa yang mereka hajati apabila dewasa kelak.

Apa langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam mengajak anak menabung?

## Jadi orang yang amanah

Pada usia anak yang masih bayi, setiap kali menerima wang daripada datuk, nenek, makcik dan pakeciknya, pastikan anda sudah pun membuka satu akaun di bawah nama anak. Masukkan wang-wang diperoleh itu ke dalam akaun mereka dan jangan sesekali mengeluarkannya ketika anda 'sesak'. Ibu bapa perlu menjadi orang yang amanah dalam memasukkan wang ke akaun anak-anak. Jangan sesekali mengeluarkannya kerana ia tidak menyimpul tabiat menabung yang baik

## Pilihlah satu akaun diyakini

Sebelum membuat pilihan membuka akaun, pastikan anda mengenal pasti institusi kewangan yang manakah paling sesuai untuk tabungan anak. **Sebaik-baiknya, pilihlah satu akaun yang mempunyai Tabung Haji atau Simpanan Nasional Amanah Saham (MAMPU) sebagai pilihan.** Pastikan anda tahu berapa faedah dan nilai yang akan diperolehi dari tabungan yang dilakukan. Pastinya anda akan memperoleh keuntungan atau dividen daripada simpanan.

## Menabung lebih wang sekolah

Semasa bayi, ibu bapa mungkin tidak ada masalah untuk menabung duit anak. Tetapi apabila anak sudah mulai pandai membeli sesuatu, dia pastikan mahu wangnya kembali. Galakkan anak menabung lebih belanja sekolahnya. Berikan mereka dorongan dan kata kata 'semakin banyak wang yang disimpan, mereka boleh membeli apa yang disukai apabila tiba masanya kelak'.

## Belikan tabung sukar dikorek

Ada pelbagai jenis tabung yang dijual. Ada yang boleh dibuka tutup tabungnya, ada yang sudah dilekat matrik membawa makna. Hanya boleh



dipecahkan ketika sudah penuh sahaja! Anda harus kenali karakter anak, jika dia terlihat suka menghabiskan wang di tangan, belikan saja tabung yang hanya boleh dipecahkan ketika sudah tiba masanya. Jangan sesekali belikan tabung yang mudah dibuka dan ditutup. Besar kemungkinan, anda mungkin tidak akan perasan bilakah wang itu sudah hilang

## Ceritakan anda juga melakukannya

Dalam mengajar anak menabung dan demi memberikan sebuah keyakinan dan kepastian, anda mesti menunjukkan tabiat yang sama. Jangan hanya pandai bercakap sahaja tetapi anda tidak melakukannya. Sebagai bukti, anda boleh menunjukkan buku simpanan bagi meningkatkan keyakinan anak. Anda akan menjadi idola anak. Insya-Allah, anak-anak yang terdidik dengan baik akan melihat contoh berlaku di depan matanya sendiri. Mereka pasti akan menaruh minat yang tinggi untuk menabung jika anda juga sudah berjaya melakukannya.

## Hasil & nikmat menyimpan

Jika anda tahu hasil dan nikmat diperoleh kerana hobi suka menabung ini, anda pastinya sudah merasai nikmatnya. Tabungan membolehkan anda membeli apa yang anda hajati. Keadaan ekonomi yang kurang berdaya saing ini, menabung lebih selamat berbanding orang lain yang tidak punya sebarang tabungan. Andai berlaku hal-hal kecemasan, anda tidak berasa takut kerana ada kelebihan wang di tangan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa. Jadi ajariah anak menabung pada usia yang masih muda kerana manfaatnya dapat anda lihat pada bila-bila masa. **AW**